



MOHD Riduyan membaiki bumbung rumahnya yang tercabut kerana ditiup angin kencang berikutan fenomena air pasang besar.



PENDUDUK membuang pasir pantai yang memasuki rumah.



'Kami tak mahu tinggal rumah'

Penduduk enggan berpindah mahu benteng penahan ombak dibina segera

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my
Kota Bharu

ninggalkan kediaman mereka dan berpindah ke kawasan lain.

Sebaliknya, mereka meminta supaya benteng penahan ombak dibina segera bagi membolehkan mereka tinggal dengan selamat di kawasan berkenaan.

Mohd Riduyan Kasim, 35, berkata, dia bersama isterinya, Sudida Salmi Mat Zin, 32, dan empat anak mereka serta keluarga mentua berharap untuk terus mendiami rumah di kawasan itu kerana sebatih dengan kehidupan mereka. "Jika pembinaan benteng

penahan ombak disegerakan, saya akan tetap tinggal di sini, lagipun saya tidak mempunyai rumah lain untuk berteduh.

"Sebelum ini air pasang besar yang berlaku tidak menyebabkan air dan pasir masuk ke dalam rumah, na-

mun kejadian Ahad lalu serius hingga banyak barang rumah yang rosak serta atap zink juga tercabut," katanya yang pulang ke rumah, semalam selepas tiga hari menetap di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Kundur.

Jiran sekampungnya, Alias Ibrahim, 51 berkata, dia sekeluarga terpaksa menetap sementara di rumah ibu saudaranya, Rahmah Hassan, 42, yang terletak beberapa kilometer dari rumahnya yang rosak teruk akibat fenomena itu.

Penduduk yang menetap di kawasan pesisir pantai di Kampung Pulau Kundur, Pantai Cahaya Bulan, di sini, enggan me-